# PERADUAN NESTLÉ NÍU YEAR
# Hotline FAQs (BM)

**S1: Bagaimana untuk menyertai?**

J: **Langkah 1**: Beli minima RM5 mana-mana produk NESTLÉ Sedia Untuk Diminum yang mengambil bahagian seperti yang tertera di risalah Promosi dalam satu resit dari mana-mana kedai yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Promosi.

Setiap RM5 akan diberikan 1 Peluang Kemenangan.

Eksklusif di TESCO: Untuk peserta yang membuat pembelian dari mana-mana kedai TESCO akan juga berpeluang untuk memenangi lebih banyak hadiah.

**Jadual Bukti Pembelian**




**Produk yang tidak mengambil bahagian:**

**MILO UHT 1L Cecair Pekat**

*Kami akan menerima resit asal bercetak bertarikh dari 08 Januari 2021 sahaja.*

**Langkah 2**: Hantar penyertaan melalui Mesej WhatsApp sahaja.

Tulis di atas resit asal, nama penuh anda, Nombor Pengenalan dan e-mel (jika ada). Ambil satu **gambar dalam format imej** yang jelas dan dapat dibaca, resit asal lengkap dengan Butiran Peribadi (Nama penuh, No. ID dan e-mel) dan Butiran Resit (nama kedai, tarikh pembelian dan jumlah pembelian). WhatsApp penyertaan anda ke **018-228 6836**.

Jika ruang tidak mencukupi di atas resit, anda boleh menulis butiran anda serta jawapan di atas sekeping kertas dan tangkap gambar bersama resit anda.

**Peringatan:**

1) Resit boleh didapati dalam bentuk:
   - Resit bercetak dari sistem *Point of Sales*
   - Resit bertulis tangan
   - E-resit untuk pembelian di dalam talian
2) Resit mesti mengandungi Produk yang dibeli, tarikh pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai [Butiran Resit] di mana pembelian itu dibuat. Sekiranya nama/logo kedai tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap syarikat rasmi kedai di mana pembelian dibuat.
3) Penganjur akan mencetak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan/atau tidak lengkap akan dibatalkan. Sila rujuk **https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-nestle-rtd-niuyear** untuk contoh Penyertaan WhatsApp.
4) Setiap Resit HANYA layak untuk satu penyertaan WhatsApp. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sebarang penyertaan WhatsApp dengan Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu Resit.

**S2: Di mana saya boleh mendapatkan risalah maklumat peraduan?**

J:
1) Semua pasar raya, pasar raya besar, pasar raya mini kedai stesen minyak, mini markets, petrol marts dan kedai runcit yang turut serta.
2) Laman web Nestlé: **https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-nestle-rtd-niuyear**

**S3: Adakah saya akan menerima perakuan penerimaan jika saya menghantar melalui Whatsapp?**

J**:** YA, kami AKAN auto balas dengan mesej perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang diterima kepada peserta seperti di bawah:

> Terima kasih atas penyertaan anda.
>
> Dengan mengambil bahagian, anda telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Promosi di https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening dan Notis Privasi di: https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.
>
> Talian Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

**S4: Bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?**

J: Setiap Whatsapp boleh mengandungi imej satu resit asal sahaja. Setiap resit hanya boleh digunakan sekali. WhatsApp berbilang yang menggunakan resit yang sama akan dibatalkan.

**S5: Adakah saya perlu menyimpan resit setelah menghantar penyertaan WhatsApp saya?**

J: Ya. Untuk Penyertaan WhatsApp yang diterima, Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Resit untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.

**S6: Bolehkah saya gunakan resit ditulis tangan yang diberikan oleh pekedai?**

J: Resit boleh diterima dalam bentuk e-resit untuk pembelian dalam talian, resit bertulis tangan dan/atau resit dicetak dari sistem *Point of Sale*. Walaubagaimanapun, setiap resit mesti mengandungi nombor resit dan nama dan/atau logo kedai di mana pembelian dibuat.

Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap syarikat rasmi kedai di mana pembelian dibuat.

**S7: Saya membeli produk NESTLÉ saya secara dalam talian menggunakan baucar. Bolehkah saya mengambil bahagian?**

J: Ya. Untuk E-resit pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, jumlah BAYARAN AKHIR mestilah RM5.00 ke atas untuk layak.

**S8: Untuk pembelian dalam talian, bolehkah saya membuat tangkapan skrin pesanan dan menghantar penyertaan WhatsApp saya? Tiada resit rasmi diberikan semasa penghantaran saya.**

J: Tidak. Untuk semua pembelian dalam talian, sila minta invois rasmi dari penjual. Semua tangkapan skrin butiran pesanan tidak akan diterima.

**S9: Adakah terdapat had jumlah nombor bersiri yang boleh saya terima dalam satu resit?**

J: Tidak ada had nombor bersiri yang boleh diterima dalam satu resit. Setiap RM5 produk yang mengambil bahagian akan melayakkan anda untuk 1 nombor bersiri (1 Peluang Kemenangan).

**Sekiranya anda membeli sejumlah RM50 produk yang mengambil bahagian dalam satu resit, anda akan mendapat 10 nombor bersiri secara berturut-turut.**

**S10: Umur penyertaan?**

J: Peraduan ini terbuka untuk semua penduduk sah Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada 08 Januari 2021.

**S11: Apakah hadiah yang ditawarkan untuk peraduan ini?**
J:

| | |
|---|---|
| **Hadiah Utama Bulanan x 4 pemenang x 2 bulan**<br><br>**Bulan 1: 08/01 – 04/02/2021**<br>**Bulan 2: 05/02 – 08/03/2021**<br><br>**JUMLAH: 8 Pemenang** | **1 unit PROTON X50 1.5T STANDARD setiap satu** |
| **Hadiah Pertama Mingguan x 2 pemenang x 8 minggu JUMLAH: 16 Pemenang** | **Wang tunai RM2,888 setiap satu** |
| **Hadiah Kedua Mingguan x 30 pemenang x 8 minggu JUMLAH: 240 Pemenang** | **Wang tunai RM888 setiap satu** |
| **Hadiah TESCO X 2 pemenang x 8 minggu JUMLAH: 16 Pemenang** | **HP Notebook [14s-dq1030tu]** |

**S12: Bagaimana anda menentukan Pemenang Hadiah Utama Bulanan?**
J: Jumlah nombor bersiri layak yang diperuntukkan di akhir setiap tempoh bulanan akan dibahagi dengan 4 [empat] untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk **pemenang Hadiah Utama Bulanan**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

**S13: Bagaimana anda menentukan Pemenang Hadiah Pertama Mingguan?**
J: Jumlah nombor bersiri layak yang diperuntukkan setiap minggu sepanjang tempoh peraduan akan dibahagi dengan 2 [dua] untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk **pemenang Hadiah Pertama Mingguan**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

**S14: Bagaimana anda menentukan Pemenang Hadiah Kedua Mingguan?**
J: Jumlah nombor bersiri layak yang diperuntukkan setiap minggu sepanjang tempoh peraduan akan dibahagi dengan 30 [tiga puluh] untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk **pemenang Hadiah Kedua Mingguan**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

**S15: Bagaimana anda menentukan Pemenang Hadiah TESCO?**

J: Jumlah nombor bersiri layak yang diperuntukkan setiap minggu untuk resit dari TESCO sepanjang tempoh peraduan akan dibahagi dengan 2 [dua] untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk **pemenang Hadiah TESCO**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dinyatakan.

**S16: Berapa banyak hadiah yang boleh dimenangi oleh para peserta sepanjang tempoh peraduan?**

J: Sepanjang tempoh peraduan setiap peserta boleh memenangi:

- 1 Hadiah Mingguan dengan nilai tertinggi setiap minggu [sehingga maksimum 2 Hadiah Mingguan]
- 1 Hadiah Utama Bulanan
- 1 Hadiah TESCO

**S17: Apakah tempoh mingguan peraduan ini?**

J: Lapan [8] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| Minggu 1: 08/01 – 14/01/2021 | Minggu 2: 15/01 – 21/01/2021 |
| Minggu 3: 22/01 – 28/01/2021 | Minggu 4: 29/01 – 04/02/2021 |
| Minggu 5: 05/02 – 11/02/2021 | Minggu 6: 12/02 – 18/02/2021 |
| Minggu 7: 19/02 – 25/02/2021 | Minggu 8: 26/02 – 08/03/2021 |

**S18: Bagaimana untuk mengetahui jika saya telah memenangi Hadiah?**

J: Senarai Pemenang akan diumumkan di laman web Penganjur apabila tersedia. Laman web Nestlé: **https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-nestle-rtd-niuyear**. Pengguna disarankan untuk memeriksa secara berkala selama tempoh peraduan dan sehingga 6-8 minggu setelah peraduan berakhir.

**S19: Bagaimana saya boleh menuntut hadiah saya?**

J: **Hadiah Pertama & Kedua Mingguan**: Cek yang ditulis atas nama pemenang akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu setelah peraduan berakhir. Anda diminta memasukkan cek dalam masa 3 [tiga] bulan dari tarikh pengeluaran. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.

**Hadiah Utama Bulanan:** Surat yang mengandungi nama, butiran dan arahan untuk pemenang akan dihantar kepada pemenang dalam masa 6 - 8 minggu setelah peraduan berakhir. Anda diminta untuk menghubungi pegawai pengedar Proton dalam masa 3 [tiga] bulan dari tarikh pengeluaran surat. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.

**Hadiah TESCO**: Notebook HP akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu setelah peraduan berakhir.

**S20: Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut?**

J: Anda boleh menghubungi nombor Talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang mungkin anda perlukan.

**PERINGATAN:**

**Konsumer dgalakkan untuk memeriksa dan membaca T&S Peraduan secara berkala di laman web untuk sebarang syarat tambahan seperti yang dinyatakan di bawah:**

**Terma & Syarat Peraduan:**

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

**CONTOH BUKTI PEMBELIAN:**

**PENYERTAAN LAYAK**



**CONTOH BUKTI PEMBELIAN:**

**PENYERTAAN LAYAK**



## CONTOH BUKTI PEMBELIAN:

**PENYERTAAN LAYAK**



**Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd(1134832-W)**
Level 25, Southpoint,
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur
SST No : W10-1808-38082994

**Invoice**
Customer Name: JENNIFER LUM
Customer Address: 16, Jalan SS25/35, Taman Mayang
Order ID: 200616VGG2V39Y

Invoice No: SPWMS203966953
Invoice Date: 18/06/2020
Order Date: 16/06/2020

| No | Description | Quantity | Unit Price (RM) | Sub Total (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Nestle MILO Activ-Go Kosong (30g x 18s) , 2 Packs:Nestle MILO Activ-Go | 1 | 27.60 | 27.60 |
| 2 | Nescafe Kopi O (240ml x 6 Cans) | 1 | 11.90 | 11.90 |
| 3 | Nestle MILO Activ-Go Chocolate Malt Powder (200g) | 1 | 4.10 | 4.10 |
| | | | Total | 43.60 |
| | | | Total Discount | -0.00 |
| | | | Shipping Fee | 0.00 |
| | | | SST (0%) | 0.00 |
| | | | Grand Total | 43.60 |

This is computer generated invoice, hence no signature required.

Adam bin Ali
871010-14-5011
adam010@hotmail.com

**CONTOH BUKTI PEMBELIAN:**

**PENYERTAAN LAYAK**




Rurutiki Sdn Bhd
28, JALAN ANGGERIK MOKARA 31/59 KAWASAN INDUSTRI KOTA KEMUNING
60123073140

INVOICE

| | |
|---|---|
| Invoice Number: | 254176502697124 |
| Order Number: | 254176502697124 |
| Order Date: | 16 Jun 2020 |
| Invoice To: | JENNIFER LUM |
| Invoice Date: | 16 Jun 2020 |

[redacted]

Payment Method: PAYMENT_ACCOUNT

**Your ordered items for 254176502697124**

| # | Product name | Seller SKU | Shop SKU | Price | Paid Price |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | NESTLÉ MILO KOSONG ACTIV-GO 18 Sticks 30g x2 packs | 12287514x2 | MI444WNAA8FPQ8ANMY-20121182 | 33.00 | 33.00 |
| 2 | Nescafe Original Coffee Can 5+1, 240ml | 12417863 | 982452714_MY-2572375773 | 9.90 | 9.90 |

| | |
|---|---|
| Subtotal: | RM 42.90 |
| Less: Voucher applied: | RM 0.00 |
| Total: | RM 42.90 |
| Shipping: | +RM 0.00 |
| Net paid: | RM 42.90 |

Upon receipt of your order, we encourage you to examine the parcel carefully and keep your buying invoice. Should there be any item damage due to our transportation, please contact our customer service within 24 hours for claim purposes.

**CONTOH BUKTI PEMBELIAN:**

**PENYERTAAN LAYAK**



**CONTOH BUKTI PEMBELIAN:**

**PENYERTAAN LAYAK**



**CONTOH BUKTI PEMBELIAN**

**PENYERTAAN TIDAK LAYAK – TIADA MAKLUMAT PERIBADI**



## CONTOH BUKTI PEMBELIAN

## PENYERTAAN TIDAK LAYAK – RESIT TIDAK BOLEH DIBACA



**CONTOH BUKTI PEMBELIAN**

**PENYERTAAN TIDAK LAYAK – BUKAN INVOIS RASMI (SHOPEE)**



## CONTOH BUKTI PEMBELIAN

**PENYERTAAN TIDAK LAYAK – BUKAN INVOIS RASMI (LAZADA)**

